



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

**PELAKSANAAN MODUL DATA PERJAWATAN –
SUBMODUL myPortfolio DALAM
SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS)**

**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)
JABATAN PERDANA MENTERI**



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur , Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 603-8872 7211
Faks : 603-8889 4479

Rujukan : MAMPU.600-1/17/2 (1)

Tarikh : 27 Ogos 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian;
Semua Ketua Jabatan Persekutuan;
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri;
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan;
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri; dan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan.

**SURAT PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

**PELAKSANAAN MODUL DATA PERJAWATAN –
SUBMODUL myPortfolio DALAM
SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS)**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (SPKPA) ini bertujuan memberikan panduan kepada agensi Kerajaan berhubung dengan pelaksanaan Modul Data Perjawatan – Submodul myPortfolio dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) berdasarkan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2005 – Pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber**

Manusia Bilangan 12 Tahun 2005 (PP Bil. 12 Tahun 2005) dan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 4 Tahun 2018 - myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam (PKPA Bil. 4 Tahun 2018).

LATAR BELAKANG

2. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengeluarkan PKPA Bil. 4 Tahun 2018 yang berkuat kuasa pada 12 Julai 2018 dan Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2018 - Panduan Penetapan Tempoh Masa Dalam Carta Alir Bagi myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam (SPKPA Bil. 1 Tahun 2018) yang berkuat kuasa pada 12 Oktober 2018.

3. **myPortfolio** dibangunkan sebagai pendekatan baharu dalam pelaksanaan bidang tugas dan tanggungjawab secara lebih komprehensif dan teratur bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan di sektor awam. **myPortfolio** merupakan dokumen rujukan rasmi yang menghuraikan maklumat pewujudan jawatan, proses kerja dan panduan untuk menjalankan tugas bagi sesuatu jawatan dalam sesebuah organisasi. Melalui **myPortfolio**, pegawai awam lebih memahami akauntabiliti dan tanggungjawab masing-masing serta hubungan tugas mereka dengan pegawai lain agar tugas dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

KEPERLUAN

4. Mesyuarat Khas Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan pada 16 Ogos 2018 bersetuju supaya myPortfolio diintegrasikan dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) selaras dengan agenda pendigitalan Kerajaan.

5. MAMPU dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah membangunkan **Submodul myPortfolio** di bawah Modul Data Perjawatan dalam

HRMIS. Submodul ini berasaskan dasar dan peraturan di bawah PP Bil. 12 Tahun 2005 dan PKPA Bil. 4 Tahun 2018 yang sedang berkuat kuasa.

6. Objektif pembangunan **Submodul myPortfolio** adalah untuk:
 - a. mentransformasikan kaedah pelaksanaan panduan kerja secara manual kepada digital;
 - b. membentuk proses kerja yang meliputi fungsi pengisian, pengemaskinian, pengesahan, kelulusan, pemantauan dan pelaporan myPortfolio secara dalam talian;
 - c. menyediakan antara muka sistem yang mesra pengguna, dinamik dan mudah digunakan;
 - d. mengguna pakai sepenuhnya (*leverage*) infrastruktur dan fasiliti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sektor awam melalui integrasi dengan HRMIS;
 - e. menyokong Profil Sumber Manusia Sektor Awam melalui perkongsian maklumat antara Deskripsi Tugas dengan myPortfolio ke arah pengukuhan pengurusan, pembangunan dan kecekapan sumber manusia sektor awam; dan
 - f. menyediakan perkhidmatan penyediaan, pengemaskinian dan pelaporan myPortfolio melalui laman sesawang HRMIS.

7. Surat pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan PKPA Bil. 4 Tahun 2018 dan SPKPA Bil. 1 Tahun 2018.

PELAKSANAAN

8. Bagi memastikan **Submodul myPortfolio** dalam HRMIS dapat dilaksanakan dengan berkesan, semua agensi hendaklah merujuk '**Panduan Pengguna Submodul myPortfolio Dalam HRMIS**' bagi peranan Pemilik Kompetensi, Pentadbir HRMIS, Pentadbir myPortfolio Bahagian, Pentadbir myPortfolio Kementerian, Pegawai Pengesah dan Pegawai Pelulus yang boleh dimuat turun melalui pautan <https://www.eghrmis.gov.my>.

9. Secara amnya, panduan pengguna ini menggariskan tatacara pelaksanaan **Submodul myPortfolio** dalam HRMIS, antaranya memuat naik dan mengemas kini carta organisasi, carta fungsi, proses kerja, carta alir dan lain-lain.

STRUKTUR TADBIR URUS

10. Sebagai agensi pusat, pihak MAMPU akan memantau dan menyediakan laporan status pelaksanaan **myPortfolio** untuk dilaporkan kepada Pengurusan Tertinggi Sektor Awam. Pemantauan ini penting bagi memastikan dasar ini dilaksanakan dengan berkesan di setiap agensi Kerajaan. Selain itu, pemantauan yang dilaksanakan oleh MAMPU juga bertujuan mendapatkan maklum balas dan cadangan penambahbaikan kepada dasar sedia ada yang diperuntukkan di bawah PKPA Bil. 4 Tahun 2018.

11. JPA selaku agensi pusat yang bertanggungjawab terhadap dasar sumber manusia Perkhidmatan Awam dan agensi yang membangunkan sistem **Submodul myPortfolio** dalam HRMIS akan memastikan submodul ini dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

12. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan bahagian/unit yang berperanan sebagai penyelaras **myPortfolio** agensi untuk menyediakan dan

memantau pelaksanaan **Submodul myPortfolio** dalam HRMIS di agensi masing-masing.

PEMAKAIAN

13. Surat pekeliling ini terpakai kepada semua agensi Perkhidmatan Awam Persekutuan. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan surat pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

TARIKH KUAT KUASA

14. Surat pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PERTANYAAN

15. Sebarang pertanyaan terhadap surat pekeliling ini hendaklah dikemukakan kepada pihak MAMPU melalui alamat yang berikut:

Pengarah
Bahagian Penyelidikan Pengurusan
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 3, Setia Perdana 2
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
No. Telefon: 03 – 88723179
No. Faks: 03 – 88885145
E-mel: webmaster@mampu.gov.my

Bagi pertanyaan berkaitan dengan sistem **Submodul myPortfolio** dalam HRMIS, hendaklah dirujuk kepada pihak JPA melalui alamat yang berikut:

Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik
Aras 3 – 6 Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Putrajaya
No. Telefon: 03-83211400
Pautan: <http://spmb.jpa.gov.my>

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Ketua Setiausaha Negara